

Headline	Pengiktirafan plot ekologi hutan paling tua dipantau berterusan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Dec 2023	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	33	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	219 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,955
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,865



Pengiktirafan plot ekologi hutan paling tua dipantau berterusan

SEREMBAN: Petak ekologi hutan dipterokarpa tanah pamah pesisir pantai yang terletak di Kompartmen 9, Hutan Simpan Sungai Menyala, Port Dickson menerima pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai Plot Ekologi Hutan Paling Tua yang dipantau secara berterusan di Malaysia -Tahun Penubuhan 1947.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Hamidi Abd. Halim berkata, plot yang dikenali sebagai Plot 102 ini ditubuhkan pada tahun 1947, oleh John Wyatt-Smith seluas dua hektar bagi mengkaji dinamik populasi pokok.

Jelas beliau, sejak penubuhannya, plot ekologi hutan ini diletakkan di bawah seliaan dan tanggungjawab Institut Penyelidikan Perhutanan (FRI) yang kini dikenali sebagai Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Tambahnya, kawasan tersebut dipilih sebagai lokasi kajian



SIJIL pengiktirafan MBOR diserahkan kepada Hamidi Abd. Halim (kiri) sambil diperhatikan Menteri Besar, Aminuddin Harun (dua dari kanan) dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Mohd. Zafri Ibrahim pada satu majlis di Seremban baru-baru ini.

kerana ia merupakan antara kawasan di sebelah barat Semenanjung yang boleh diakses dengan mudah dan mempu-

nyai dirian hutan yang matang, terlalu matang dan hampir menyamai keadaan dirian hutan asal atau asli.